



PANDUAN SOLAT

# GERHANA

BUKU INI MENGANDUNGI AYAT SUCI AL-QURAN.  
PELIHARALAH KESUCIANNYA.



# **PANDUAN SOLAT GERHANA**

JABATAN MUFTI NEGERI PULAU PINANG

Cetakan Pertama 2007  
Cetakan Kedua 2010  
Cetakan Ketiga 2019  
Cetakan Keempat 2021

JABATAN MUFTI NEGERI PULAU PINANG

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang.

# **PANDUAN SOLAT GERHANA**

Semakan & Terbitan:

Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang  
Tingkat 48 KOMTAR,  
10000 Georgetown,  
Pulau Pinang.  
Tel: 04-263 2975 Fax: 04 263 2985  
<http://mufti.penang.gov.my>  
emel: mufti@penang.gov.my

Konsep, Rekabentuk dan Cetakan:

Dream Worx  
No. 37, 1st Flr, Kapitan Square  
Lebuh Buckingham, 10300  
Georgetown  
Pulau Pinang

# KANDUNGAN

<i>Kata Alu-Aluan</i>	iv
<i>Matahari</i>	1
<i>Gerhana Matahari</i>	3
<i>Bulan</i>	6
<i>Gerhana Bulan</i>	8
<i>Dalil Berkaitan Gerhana</i>	11
<i>Gerhana di Zaman Nabi</i>	15
<i>Amalan Sunat Ketika Gerhana</i>	16
<i>Amalan Yang Ditegah Ketika Gerhana</i>	17
<i>Solat Gerhana</i>	18
<i>Tatacara</i>	20
<i>Cara Bacaan Ketika Solat Gerhana</i>	26
<i>Khutbah Gerhana</i>	27
<i>Gerhana Bulan "Selami Hikmah Hayati Kebesaran"</i>	28
<i>Gerhana Matahari "Menggali Rahsia Keagungan Allah"</i>	35

## KATA ALU-ALUAN MUFTI KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah ﷺ dengan keizinan-Nya, Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang dapat menerbitkan '**Panduan Solat Gerhana**', sebuah penulisan yang ringkas untuk menjelaskan kepada masyarakat berkaitan dengan gerhana.

Buku ringkas ini pada asasnya diterbitkan untuk menjawab beberapa persoalan yang dirujuk kepada Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang khususnya berkaitan dengan gerhana.

Akhir kata, saya mendoakan semoga buku yang kecil ini dapat membantu dalam meningkatkan lagi penghayatan ibadah kita ketika melalui fenomena gerhana.

"Cekap, Akauntabiliti, Telus"



(**DATO' SERI DR. WAN SALIM BIN WAN MOHD NOOR**)  
Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang

## MATAHARI


Matahari merupakan bintang yang terdekat dengan bumi dengan jarak purata 149,680,000 km (93,026,724 batu). Matahari dan lapan (8) buah planet membentuk Sistem Suria. Cahaya matahari yang terang boleh mengakibatkan sesiapa yang memandang terus ke arah matahari melalui teleskop tanpa penapis suria boleh menjadi buta. Untuk terus bersinar, matahari yang terdiri daripada gas panas menukar unsur hidrogen kepada helium melalui tindak balas gabungan nuklear pada kadar 600 juta tan menyebabkan kehilangan 4 juta tan jisim setiap saat. Kepadatan jisim matahari adalah 1.41 berbanding jisim air. Jumlah tenaga sebagai pemalar suria menyamai 1.37 kwt semeter persegi setiap saat.

Terdapat julangan gas teramat panas yang boleh mencecah sehingga 100,000 km ke angkasa. Marak matahari ini boleh mengganggu gelombang komunikasi seperti radio, televisyen, radar di bumi dan mampu merosakkan satelit atau stesen angkasa yang tidak dilindungi.

Matahari juga menghasilkan gelombang radio, gelombang ultraungu, sinar inframerah, sinar-X dan


angin suria yang merebak ke seluruh Sistem Suria. Bumi dilindungi daripada angin suria oleh medan magnet bumi sementara lapisan ozon pula melindungi bumi daripada sinaran ultraungu dan inframerah. Kadangkala peredaran bulan mengelilingi bumi menghalang sinaran matahari daripada sampai ke bumi yang mengakibatkan kejadian gerhana matahari berlaku.

### INFO RINGKAS MATAHARI



## GERHANA MATAHARI

**G**erhana matahari berlaku apabila kedudukan bulan terletak di antara bumi dan matahari. Oleh itu, bulan menutup cahaya matahari sama ada separa atau sepenuhnya. Walaupun bulan lebih kecil, ia mampu melindungi cahaya matahari sepenuhnya kerana jarak purata bulan ialah 384,400 km iaitu lebih dekat dengan bumi berbanding matahari yang mempunyai jarak purata 149,680,000 km.



Rajah 1: Fenomena Gerhana Matahari

Gerhana matahari boleh dibahagikan kepada tiga (3) iaitu:

- a. **Gerhana Penuh (*Total Solar Eclipse*):** berlaku apabila matahari ditutup sepenuhnya oleh bulan.




Rajah 2: Gerhana Matahari Penuh

- b. **Gerhana Separa (*Partial Solar Eclipse*):** apabila bulan hanya menutup sebahagian daripada matahari.



Rajah 3: Gerhana Matahari Separa

- c. **Gerhana Cincin (Annulus):** terjadi apabila bulan hanya menutup sebahagian daripada matahari dan cahaya matahari selebihnya membentuk cincin bercahaya sekeliling bayangan bulan yang dikenali corona.



Rajah 4: Gerhana Matahari Cincin 2019

## BULAN

**B**ulan adalah satu-satunya satelit bumi. Bulan tidak mempunyai sumber cahaya tersendiri dan cahaya bulan sebenarnya berasal dari pantulan cahaya matahari. Jarak purata bumi ke bulan adalah 384,403 km, sekitar 30 kali ganda diameter bumi. Diameter bulan adalah 3,474 km, sedikit lebih kecil dari suku (1/4) diameter bumi.

Bulan merujuk kepada satu atau lebih jisim yang beredar mengelilingi sebuah planet yang bersaiz lebih besar dan bergerak mengorbit matahari. Bulan dipercayai berasal daripada asteroid (batuan angkasa) bersaiz Marikh yang menghentam bumi lalu berkecaci. Teras asteroid terus menghentam bumi tetapi lapisan luar asteroid terpelanting dan terperangkap dalam orbit mengelilingi bumi lalu membentuk bulan.

Di bulan tidak terdapat air ataupun udara, hanya banyak kawah yang terhasil di permukaan bulan disebabkan oleh hentaman komet (batuan angkasa bersaiz lebih kecil berbanding asteroid). Ketiadaan udara dan air di bulan menyebabkan hakisan tidak berlaku dan ada di antara kawah di bulan yang berusia jutaan tahun dahulu dan masih kekal.

Di antara kawah terbesar di bulan adalah Clavius bergaris pusat 230 km dan sedalam 3.6 km. Ketiadaan udara juga menyebabkan tiada bunyi kedengaran di bulan.



Rajah 5: Kawah Clavius

### INFO RINGKAS BULAN



## GERHANA BULAN

**G**erhana bulan hanya berlaku ketika bulan purnama. Ketika itu, bulan berada bersentang dengan bumi dan terlindung daripada matahari. Ini bermakna bulatan bulan boleh masuk ke dalam bayang bumi dan menghilang.



Rajah 6: Gerhana Bulan

Gerhana bulan boleh dibahagikan kepada tiga (3) iaitu:

- a. Gerhana Penuh (*Total Lunar Eclipse*):** berlaku apabila keseluruhan bulatan bulan masuk ke dalam bayang umbra (bahagian paling gelap) bumi. Pada ketika ini, kita dapat melihat bayangan bumi pada bulan.



Rajah 7: Gerhana Bulan Penuh

(Sumber: Balai Cerap al-Biruni Negeri Sabah, Pejabat Mufti Negeri Sabah)

- b. Gerhana Separa (*Partial Lunar Eclipse*):** berlaku apabila sebahagian bulan sahaja yang masuk ke dalam bayang umbra bumi, dan sebahagian lagi berada dalam bayang penumbra (bahagian kurang gelap) bumi pada saat kemuncak fenomena ini berlaku.



Rajah 8: Gerhana Bulan Separa

- c. **Gerhana Penumbra (*Penumbra Lunar Eclipse*):** berlaku ketika mana bulan secara keseluruhannya atau sebahagiannya masuk ke dalam bayang penumbra bumi. Gerhana jenis ini tidak membawa sebarang perubahan ketara pada fizikal bulan itu sendiri. Fenomena ini tidak dianggap gerhana di sisi syarak.



Rajah 9: Gerhana Bulan Penumbra

## DALIL BERKAITAN GERHANA

﴿ وَحَسَفَ الْقَمَرَ ٨ وَجَمِيعَ الشَّمْسِ وَالْقَمَرِ ﴾

Maksudnya:

Dan apabila bulan hilang cahayanya. Dan apabila matahari dan bulan dihimpunkan bersama.

(Al-Qiamah: 8-9)

عَنْ عَائِشَةَ زَوْجِهِ أَنَّهَا قَالَتْ: حَسَفَتُ الشَّمْسَ فِي عَهْدِ رَسُولِ اللَّهِ فَصَلَّى رَسُولُ اللَّهِ بِالنَّاسِ فَقَامَ فَأَطَالَ الْقِيَامَ ثُمَّ رَكَعَ فَأَطَالَ الرُّكُوعَ ثُمَّ قَامَ فَأَطَالَ الْقِيَامَ وَهُوَ دُونَ الْقِيَامِ الْأَوَّلِ ثُمَّ رَكَعَ فَأَطَالَ الرُّكُوعَ وَهُوَ دُونَ الرُّكُوعِ الْأَوَّلِ ثُمَّ سَجَدَ فَأَطَالَ السُّجُودَ ثُمَّ فَعَلَ فِي الرُّكُوعِ الثَّانِيَةِ مِثْلَ مَا فَعَلَ فِي الْأُولَى ثُمَّ انْصَرَفَ وَقَدْ اجْنَبَتِ الشَّمْسُ فَحَطَبَ النَّاسُ فَحَمِدَ اللَّهَ وَأَتَتَ عَلَيْهِ ثُمَّ قَالَ إِنَّ الشَّمْسَ وَالْقَمَرَ آيَاتِ

مِنْ آيَاتِ اللَّهِ لَا يَخْسِفُنَّ لِمُؤْتَ أَحَدٍ وَلَا لِحَيَاتِهِ فَإِذَا رَأَيْتُمْ ذَلِكَ فَادْعُوا اللَّهَ وَكَبِرُوا  
وَصَلُّوا وَتَصَدَّقُوا ثُمَّ قَالَ يَا أُمَّةَ مُحَمَّدٍ وَاللَّهُ مَا مِنْ أَحَدٍ أَعْيُرُ مِنْ اللَّهِ أَنْ يَرْتَبِعَ عَبْدُهُ  
أَوْ تَرْتَبِعَ أُمَّةٌ يَا أُمَّةَ مُحَمَّدٍ وَاللَّهُ لَوْ تَعْلَمُونَ مَا أَعْلَمُ لَضَحِحُكُمْ قَلِيلًا وَلَبَكِشُمْ كَثِيرًا

**Maksudnya:** Daripada ‘Aisyah رضي الله عنها, beliau berkata: Matahari mengalami gerhana pada zaman Rasulullah صلوات الله عليه وآله وسلامه, lalu beliau berdiri dan bersolat bersama-sama yang lain, dengan memanjangkan (melamakan tempoh) berdiri, kemudian rukuk lalu memanjangkan (melamakan tempoh) rukuk, kemudian berdiri dan memanjangkan tempoh berdiri namun lebih pendek dari tempoh berdiri yang pertama (sebelumnya). Kemudian rukuk lalu memanjangkan rukuk, namun lebih pendek tempohnya berbanding rukuk yang pertama, kemudian sujud dan memanjangkan tempoh sujud. Kemudian mengerjakannya di dalam rakaat yang lain sebagaimana beliau melaksanakannya di dalam rakaat yang pertama. Kemudian beliau beranjak sementara matahari sudah kelihatan, lalu menyampaikan khutbah kepada mereka yang hadir sambil memuji Allah dan menyanjung-Nya. Kemudian beliau bersabda: Sesungguhnya matahari dan bulan merupakan dua tanda kekuasaan dari tanda-tanda kekuasaan Allah, yang gerhana ini tidaklah berlaku dengan sebab kematian seseorang atau kehidupan seseorang. Sekiranya kamu melihat gerhana maka berdoalah kepada Allah,

bertakbirlah, solatlah, dan bersedekahlah. Kemudian beliau bersabda: Wahai umat Muhammad, demi Allah, tiada seseorang pun yang lebih cemburu daripada Allah sekiranya hambanya yang lelaki berzina atau hambanya yang wanita berzina. Wahai umat Muhammad, demi Allah, sekiranya kamu mengetahui apa yang aku ketahui, tentu kamu akan sedikit ketawa dan banyak menangis.

(Riwayat al-Bukhari: No. 986)

عَنْ أَبِي مُوسَى الْأَشْعَرِيِّ قَالَ: حَسِقَتِ الشَّمْسُ فِي رَمَضَانَ النَّجِيِّ فَقَامَ فِرْعَاعًا يَخْشَى أَنْ تَكُونَ السَّاعَةُ حَقًّا أَتَى الْمَسْجِدَ فَقَامَ يُصَلِّي بِأَطْوَلِ قِيَامٍ وَرُكُوعٍ وَسُجُودٍ مَا رَأَيْتُهُ يَفْعُلُهُ فِي صَلَاةٍ قَطُّ ثُمَّ قَالَ إِنَّ هَذِهِ الْآيَاتِ الَّتِي يُرْسِلُ اللَّهُ لَا تَكُونُ لِمَوْتِ أَحَدٍ وَلَا لِحَيَاةِ وَلَكِنَّ اللَّهَ يُرْسِلُهَا يُخْوِفُ بِهَا عِبَادَهُ فَإِذَا رَأَيْتُمْ مِنْهَا شَيْئًا فَاقْرُعُوا إِلَيَّ ذِكْرِهِ وَدُعَائِهِ وَاسْتَغْفِرَاهُ

Maksudnya: Daripada Abi Musa al-Asy'ari, beliau berkata: Matahari mengalami gerhana pada zaman Rasulullah ﷺ, lalu (beliau) berdiri dalam keadaan takut kerana khuatir (bimbang) hari kiamat telah tiba sehingga beliau tiba di masjid, beliau berdiri lalu solat, rukuk dan sujud dengan sangat lama. Aku sama sekali tidak pernah melihat beliau melakukan seperti itu di dalam mana-mana solat pun. Kemudian beliau bersabda: Sesungguhnya ini merupakan tanda-tanda

kekuasaan yang dikirimkan Allah yang tidak terjadi disebabkan kematian seseorang dan tidak pula kerana kehidupan seseorang tetapi Allah mengirimkannya untuk menjadikan hamba-hamba-Nya takut. Sekiranya kamu melihat sebahagian gerhana tersebut, maka mohonlah pertolongan dengan berzikir (mengingati Allah), berdoa, dan memohon keampunan kepada-Nya.

(Riwayat Muslim: No. 1518)


عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللَّهُ تَعَالَى عَنْهَا، أَنَّ الشَّمْسَ حَسَقَتْ عَلَى عَهْدِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّدَ لَهُ وَبَعْثَ مُنَادِيًّا الصَّلَاةَ جَامِعَةً فَاجْتَمَعُوا وَتَقَدَّمَ فَكَبَرَ وَصَلَّى أَرْبَعَ رَكْعَاتٍ فِي رُكْعَتَيْنِ وَأَرْبَعَ سَجَدَاتٍ

Maksudnya: Daripada 'Aisyah رضي الله عنها, bahwasanya matahari mengalami gerhana pada zaman Rasulullah ﷺ, Maka beliau meminta seseorang berseru (memanggil) dengan "as-Solatu Jami'ah" (ayuh solat berjemaah). Beliau pun lantas tampil ke hadapan, bertakbir, dan melaksanakan solat dengan dua rakaat yang di dalamnya dilaksanakan empat (4) kali rukuk.

(Riwayat Muslim: No. 1501)

## GERHANA DI ZAMAN NABI ﷺ

Berdasarkan kepada pengkajian falak, berlaku sekurang-kurangnya lima (5) kali fenomena gerhana di zaman Nabi ﷺ



Sumber: Dr. Ahmad Izzudin (UIN Walisongo, Jawa Tengah)

## **AMALAN SUNAT KETIKA GERHANA**

Amalan sunat ketika gerhana ialah:

1. Melihat kejadian gerhana
2. Mandi
3. Melaksanakan solat sunat gerhana dan dua (2) khutbah seperti Solat Hari Raya
4. Memperbanyakkan doa kepada Allah ﷺ memohon keselamatan dan menolak bala bencana
5. Bertakbir
6. Beristighfar
7. Berzikir
8. Bersedekah  
*(Kitab Bughiah at-Thulab, Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani, hlm. 50)*

## AMALAN YANG DITEGAH KETIKA GERHANA

Amalan yang ditegah ketika gerhana ialah:

1. Mengaitkan gerhana dengan kehidupan atau kematian seseorang.
2. Mempercayai khurafat dan tahuyl.
3. Mengamalkan perkara-perkara yang bercanggah dengan syariat Islam.

Rasulullah ﷺ membantah kepercayaan ini sewaktu berlakunya gerhana berbetulan dengan wafatnya putera baginda ﷺ, Ibrahim:

إِنَّ الشَّمْسَ وَالقَمَرَ آيَاتٍ لِلَّهِ، لَا يَجْسِدُانِ لِمَوْتٍ أَحَدٌ وَلَا لِحَيَاةٍ، فَإِذَا رَأَيْتُمْ ذَلِكَ، فَادْعُوا اللَّهَ، وَكَبِرُوا وَصَلُّوا وَتَصَدَّقُوا

Maksudnya: Sesungguhnya matahari dan bulan itu ialah dua (2) tanda daripada tanda-tanda kekuasaan Allah, tidaklah keduanya gerhana kerana matinya seseorang dan tidak pula kerana hidupnya, jika kalian melihat gerhana, maka berdoalah kepada Allah, bertakbir, laksanakanlah solat dan bersedekahlah.

(Riwayat al-Bukhari: No.1044)

## SOLAT GERHANA

### HUKUM

Sunat Muakkad (sangat dituntut)

### MASA

Afdhal pada waktu kemuncak gerhana

### MEMANGGIL JEMAAH

Memanggil Jemaah untuk mendirikan solat tanpa iqamah.

Memadai dengan lafaz

(الصَّلَاةُ جَمِيعَةٌ)

### NIAT

Lafaz Solat Gerhana Bulan

#### Bersendirian:

أَصْلَى سُنَّةً حُسْنُوفِ الْقَمَرِ رُكْعَتَيْنِ اللَّهُ تَعَالَى

Maksudnya: “Sahaja aku solat sunat gerhana bulan dua rakaat kerana Allah Ta’ala”.

#### Berjemaah:

أَصْلَى سُنَّةً حُسْنُوفِ الْقَمَرِ رُكْعَتَيْنِ إِمَامًا / مَأْمُوْمًا اللَّهُ تَعَالَى

Maksudnya: “Sahaja aku solat sunat gerhana bulan dua

rakaat (imam/makmum) kerana Allah Ta'ala".

## Lafaz Solat Gerhana Matahari

### Bersendirian:

أَصَلَّى سُنَّةً كُسُوفِ الشَّمْسِ رَكْعَتَيْنِ لِلَّهِ تَعَالَى

Maksudnya: "Sahaja aku solat sunat gerhana matahari dua rakaat kerana Allah Taala".

### Berjemaah:

أَصَلَّى سُنَّةً كُسُوفِ الشَّمْسِ رَكْعَتَيْنِ إِمَامًا/مَأْمُومًا لِلَّهِ تَعَالَى

Maksudnya: "Sahaja aku solat sunat gerhana matahari dua rakaat (imam/makmum) kerana Allah Ta'ala".

## **TATACARA**

Solat gerhana dilakukan dengan dua (2) rakaat di mana setiap rakaat mestilah mempunyai:

- a. Dua (2) kali qiyam (berdiri);
- b. Dua (2) kali membaca surah;
- c. Dua (2) kali rukuk yang mana kesemuanya dilakukan secara biasa tanpa memanjangkannya.



**Rajah 1**

Berdiri Betul (semasa takbiratul ihram dan menghabiskan rukun solat)

**Rajah 2**

Membaca Doa Iftitah dan surah Al-Fatihah  
dan surah lain yang pertama



**Rajah 3**  
Rukuk dan membaca tasbih yang pertama



**Rajah 4**  
Iktidal



**Rajah 5**  
Membaca surah Al-Fatihah  
dan surah lain yang kedua



**Rajah 6**  
Rukuk dan membaca tasbih yang kedua



**Rajah 7**  
Iktidal



**Rajah 8**  
Sujud dan membaca tasbih



**Rajah 9**  
Duduk di antara dua sujud



**Rajah 10**  
Sujud kedua dan membaca tasbih



**Rajah 11**  
Membaca Tasyahud akhir

Jadi untuk dua (2) rakaat kita hendaklah mempunyai:

- a. Empat (4) qiyam (berdiri);
- b. Empat (4) kali membaca surah;
- c. Empat (4) kali rukuk kesemuanya.

Sah juga dilakukan solat sunat gerhana ini sebagaimana solat Jumaat atau solat sunat biasa dengan dua (2) rakaat, dua (2) qiyam dan dua (2) rukuk tetapi ia telah meninggalkan fadilat sebagaimana yang telah dilakukan oleh Rasulullah ﷺ.

### a. Rakaat pertama

1. Takbiratul Ihram.
2. Membaca doa iftitah.
3. Membaca Ta'awudz (تعوذ)
4. Membaca surah al-Fatiyah.
5. Membaca surah, afdal adalah surah al-Baqarah  
(Riwayat al-Bukhari: No.986)
6. Rukuk dan membaca tasbih (سبحان رب العظيم وبحمده)
7. Iktidal (سُمِعَ اللَّهُ مِنْ حَمْدِ رَبِّنَا لَكَ الْحَمْدُ) seterusnya membaca surah al-Fatiyah dan membaca surah, afdal adalah surah ali-Imran.
8. Rukuk dengan membaca tasbih.
9. Iktidal.
10. Sujud dan membaca tasbih (سبحان رب الاعلى وبحمده)
11. Duduk di antara dua (2) sujud.
12. Sujud kedua dan membaca tasbih.
13. Berdiri rakaat kedua.

## b. Rakaat kedua

1. Membaca surah al-Fatihah.
2. Membaca surah dan yang lebih afdal surah an-Nisa'.
3. Rukuk dan membaca tasbih( سبحان رب العظيم وبحمده)
4. Iktidal (سمع الله من حمده ربنا لك الحمد) seterusnya membaca surah al-Fatihah dan membaca surah, afdal adalah surah al-Maidah.
5. Rukuk dengan membaca tasbih.
6. Iktidal.
7. Sujud kedua dan membaca tasbih (سبحان رب الاعلى وبحمده)
8. Duduk di antara dua (2) sujud.
9. Sujud kedua dan membaca tasbih.
10. Membaca tasyahud akhir.
11. Memberi salam.

(*Kitab Sabil al-Muhtadin*, Sheikh Mohd Arshad bin Abdullah al-Banjari, juzuk 2, hlm.58-60)

## **CARA BACAAN KETIKA SOLAT GERHANA**

1. Bagi solat sunat gerhana matahari, bacaannya adalah secara perlahan atau senyap berdasarkan hadis daripada Imām Tarmizi daripada Samurah bin Jundub telah berkata: Nabi ﷺ telah solat dengan kami pada kusuf (gerhana matahari) tidak didengari baginya suara.
  
2. Bagi solat sunat gerhana bulan pula, bacaannya adalah secara kuat menurut hadis diriwayatkan daripada Imām al-Bukhari dan Muslim daripada ‘Aisyah: Nabi ﷺ telah membaca secara kuat dalam solat khusuf (gerhana bulan) dengan bacaannya.

**(Riwayat al-Bukhari: No.1065)**

## KHUTBAH GERHANA

1. Dilakukan selepas selesai menunaikan solat sunat gerhana.
2. Rukun dan syaratnya seperti mana khutbah Jumaat.
3. Khutbah pertama menjelaskan berkaitan taubat, *amar ma'ruf nahi munkar* dan mendekatkan diri kepada Allah ﷺ.
4. Khutbah kedua pula menjelaskan tentang kelebihan bersedekah.

## CONTOH TEKS KHUTBAH

Teks khutbah ini disediakan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)

### “GERHANA BULAN: SELAMI HIKMAH HAYATI KEBESARAN”

الْحَمْدُ لِلّٰهِ الْقَاتِلِ

﴿وَمَنْ أَيْنَتِهَا إِلَّا نَهَارٌ وَالشَّمْسُ وَالقَمَرُ لَاسْجُدُوا لِلشَّمْسِ وَلَا لِلنَّقَمَرِ  
وَاسْجُدُوا لِلّٰهِ الَّذِي خَلَقُوهُنَّ إِنْ كُنْتُمْ إِيمَانًا تَعْبُدُونَ﴾

(Surah Nuh: 37)

أشهدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللّٰهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ. وَأَشْهُدُ أَنَّ سَيِّدَنَا وَرَبِّنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ  
وَرَسُولُهُ. اللّٰهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ خَاتَمِ الْأَنبِياءِ وَالْمُرْسَلِينَ وَعَلَى  
آلِهِ وَصَاحِبِيهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللّٰهِ اتَّقُوا اللّٰهَ، أَوْصِنِّيْكُمْ وَإِيَّا يَ بِتَقْوَى اللّٰهِ  
فَقَدْ فَازَ الْمُتَقْوُونَ، وَتَرَوَدُوا فِيْ خَيْرِ الزَّادِ التَّقْوَى، وَاتَّقُوا اللّٰهَ يَا أُولَٰئِكَ لَعَلَّكُمْ  
تُقْلِبُونَ.

### SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH SEKALIAN,

Saya berpesan kepada diri saya dan menyeru sidang Jumaat yang dikasihi sekalian, marilah kita bertakwa kepada Allah ﷺ dengan bersungguh-sungguh menjunjung segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya.

Mudah-mudahan kita mendapat keberkatan hidup di dunia dan di akhirat. Khutbah khas pada malam ini akan membincangkan tajuk: “**Gerhana Bulan: Selami Hikmah Hayati Kebesaran**”.

### **SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH SEKALIAN,**

Pada saat ini, kita telah diperlihatkan dengan salah satu daripada bukti-bukti kekuasaan Allah ﷺ yang Maha hebat iaitu peristiwa kejadian gerhana bulan. Ia boleh dilihat oleh semua mata manusia sama ada yang alim punya yang jahil. Bahkan ramai yang tertarik hati apabila melihatnya secara langsung walaupun tidak mengetahui sedikitpun tentang hakikat ilmiahnya.

Bulan yang berbahaya di malam yang penuh purnama (الاستقبال والبدر) adalah berlaku dengan kudrat atau kekuasaan Allah ﷺ yang mutlak. Biasanya kita dapat melihat cahaya bulan itu secara penuh tetapi kini ia sedikit demi sedikit hilang sehingga tiada lagi cahaya yang kelihatan di muka bulan. Begitulah kehebatan kekuasaan Allah Yang Maha Berkuasa mengubah segalanya yang ada dilangit dan dibumi pada bila-bila masa tanpa ada sesuatu kuasa lain yang dapat menyekat qadha dan qadar Allah daripada terjadi.

Atas keagungan Allah ﷺ mentadbir terbit dan terbenamnya matahari dan bulan ini, maka kita diperintah untuk sujud kepada-Nya sebagaimana firman-Nya dalam *Surah Fussilat ayat 37* yang dibacakan dipermulaan khutbah tadi yang maksudnya: “*Dan di antara tanda-tanda kekuasaan-Nya ialah malam, siang, matahari dan bulan. Janganlah kamu sujud kepada matahari, tidak juga bulan; dan sujudlah kepada Allah yang menciptakannya, kalau betullah kamu hanya beribadat kepada Allah.*”

### **SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH SEKALIAN,**

Setiap perubahan yang berlaku terhadap cakerawala mengandungi hikmah dan rahsia serta pengajaran yang tersendiri. Begitu juga perubahan yang berlaku kepada matahari dan bulan, sudah semestinya mengandungi hikmah dan rahsia tertentu. Antaranya, memberi peringatan supaya hamba-hambaNya tidak melakukan kerosakan, kemungkaran dan perkara yang melampaui batas. Sabda Rasulullah ﷺ:

عَنْ أَبِي مَسْعُودٍ - عُقْبَةَ بْنِ عَمْرُو الْأَنْصَارِيِّ الْبَدْرِيِّ - رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ إِنَّ الشَّمْسَ وَالْقَمَرَ آيَاتٌ مِّنْ آيَاتِ اللَّهِ، يُحَوِّفُ اللَّهُ بِهِمَا عِبَادَةً، وَإِكْهَمَا لَا يَنْخِسِفَانِ لِمَوْتِ أَحَدٍ مِّنَ النَّاسِ. فَإِذَا رَأَيْتُمْ مِّنْهَا شَيْئًا فَصَلُّوا، وَادْعُوا حَتَّى يُنْكَثِفَ مَا بِكُمْ

Mafhumnya: “*Daripada Abi Mas’ud (‘Uqbah bin ‘Amr al-Ansari al-Badri) berkata bahawa Rasulullah ﷺ bersabda: Bahawasanya matahari dan bulan kedua-duanya itu menjadi tanda daripada tanda-tanda kekuasaan Allah. Allah menakutkan para hamba-Nya dengan perubahan matahari dan bulan. Adapun matahari dan bulan itu tidak berlaku gerhana disebabkan oleh matinya seseorang dari kalangan manusia. Oleh itu jika kamu melihat berlakunya sesuatu gerhana matahari dan bulan itu, maka solatlah kamu (solat sunat gerhana) dan berdoalah kepada Allah sehingga cahaya matahari atau bulan kelihatan semula.*”

Bersandarkan nas ini, jelas bahawa gerhana bulan merupakan amaran Allah dan peringatan yang jelas sekali kepada seluruh manusia agar tunduk taat dan patuh di atas segala perintah-Nya. Sekalipun kita telah mentaati perintah Allah tetapi fenomena gerhana bulan yang saban tahun berlaku ini, menuntut umat manusia agar lebih berjaga-jaga dengan tidak melakukan perkara kemungkaran, kerosakan di bumi dan sentiasa memohon ampun kepada Allah atas segala keterlanjuran dosa sama ada disedari atau tidak disedari.

## **SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH SEKALIAN,**

Menurut pandangan ahli falak Islam silam yang masyhur iaitu al-Imam al-Khawarizmi, bahawa setiap dua jisim yang berdekatan akan mewujudkan kesan tarikan di antara satu sama lain sama ada kuat atau lemah. Oleh itu, sewaktu berlakunya gerhana bulan, bulan berada hampir dengan bumi. Lalu berlaku tarikan kuat oleh bulan terhadap bumi yang mengakibatkan berlaku pula perubahan angin yang memberi kesan kepada cuaca dan musim. Keadaan ini juga boleh membawa perubahan kepada tumbuh-tumbuhan, ternakan dan tanam-tanaman serta benda-benda hidup lain di dunia ini.

Bagi menghadapi situasi ini, maka Rasulullah ﷺ telah mengajarkan kita supaya mengerjakan solat sunat gerhana serta memperbanyakkan taubat kepada Allah ﷺ. Selain itu, kita digalakkan untuk bersedekah dan banyak mengingati Allah ﷺ. Mudah-mudahan apabila kita ingat kepada Allah, maka Allah akan ingat kepada kita, dan apabila Allah ingat kepada kita maka Allah akan kurniakan rahmat yang melimpah ruah kepada kita.

## SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH SEKALIAN,

Mengakhiri khutbah ini, khatib suka mengingatkan sidang jemaah sekalian tentang beberapa perkara iaitu:

- i. semua kejadian di alam semesta ini mengingatkan kita kepada kebesaran Allah ﷺ yang Maha Berkuasa mencipta makhluk, menetapkan fitrah dan menyusun struktur kejadiannya tanpa pernah silap.
- ii. perhatikanlah segala kejadian alam ini dengan hati yang sedar dan penuh keimanan supaya kita tidak lupa kepada Allah ﷺ.
- iii. jangan biarkan akidah kita rosak dan terseleweng sebagaimana sesatnya kaum yang menyembah matahari dan bulan yang menyangka matahari dan bulan mendekatkan diri kepada Allah ﷺ.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَنِ الرَّجِيمِ

بِتَائِبَا الَّذِينَ أَمْنَوْا تُوبُوا إِلَى اللَّهِ تَوْبَةً صَوْحًا عَسَى رَبُّكُمْ أَن يُكَفِّرَ عَنْكُمْ سَيِّئَاتِكُمْ  
وَيُدْخِلَّكُمْ جَنَّتَيْ تَجْمِيرٍ مِنْ تَحْتِهَا الْأَنْهَرُ يَوْمَ لَا يُخْزَى اللَّهُ الَّذِي وَالَّذِينَ أَمْنَوْا  
مَعَهُمْ نُورُهُمْ يَسْعَى بَيْنَ أَيْدِيهِمْ وَبِأَيْمَانِهِمْ يَقُولُونَ رَبَّنَا أَتَيْمُ لَنَا نُورَنَا وَأَغْفِرْنَا إِنَّكَ عَلَى  
كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ 

Maksudnya: “Hai orang yang beriman! Bertaubatlah kamu kepada Allah dengan Taubat Nasuha, mudah-mudahan Tuhan kamu akan menghapuskan kesalahan-kesalahanmu dan memasukkan kamu ke dalam syurga yang mengalir di bawahnya beberapa sungai, pada hari Allah tidak akan menghinakan Nabi dan orang yang beriman bersama-sama dengannya; cahaya mereka, bergerak cepat di hadapan mereka dan di sebelah kanan mereka; mereka berkata: Wahai Tuhan kami! Sempurnakanlah cahaya bagi kami dan ampunlah kami; sesungguhnya Engkau Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu.”

(Surah at-Tahrim:8)

بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ بِالْقُرْءَانِ الْعَظِيمِ وَنَعْنَيْ وَإِيَّا كُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ  
الْحَكِيمِ وَتَقْبِيلِ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَوَتُهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ أَقُولُ قَوْلِي هَذَا  
وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِيْ وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ  
وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

## KHUTBAH KEDUA

(Rujuk teks biasa yang disediakan oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP) untuk Khutbah Kedua)

## CONTOH TEKS KHUTBAH

Teks khutbah ini disediakan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)

### KHUTBAH KHAS GERHANA MATAHARI “MENGGALI RAHSIA KEAGUNGAN ALLAH”

لَحْمَدُ لِلَّهِ الْقَاتِلِ :

(وَمَنْ مَا يَنْتَهِي إِلَيْهِ الَّيْلُ وَالنَّهَارُ وَالشَّمْسُ وَالقَمَرُ لَا سَجَدُوا لِلشَّمْسِ وَلَا لِلْقَمَرِ  
وَاسْجَدُوا لِلَّهِ الَّذِي خَلَقُوهُ إِنْ كُنْتُمْ إِيمَانًا بَعْدُونَكُمْ  
شَهَدْ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدْ أَنْ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.  
لَهُمْ صَلَّ وَسَلَّمَ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَاحِبِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فِيَا  
بِيَادِ اللَّهِ. اتَّقُوا اللَّهَ، أُوْصِيْكُمْ وَإِيَّاَيِ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَارَ المُتَقْنُونَ.

### SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH SEKALIAN,

Saya berpesan kepada diri saya dan sidang jemaah sekalian, marilah kita mempertingkatkan keimanan dan ketaqwaan kepada Allah ﷺ pada setiap saat dan ketika dengan memperbanyak amalan soleh serta amal kebajikan. Janganlah sekali-kali kita lupa untuk bertahmid memuji Allah, bertasbih, bertakbir dan bertahlil sebagai tanda kesyukuran kepada Allah ﷺ di atas pengurniaan segala nikmat serta limpahan rahma-Nya kepada kita.

Mudah-mudahan kita tergolong di kalangan mereka yang beroleh kebahagiaan hidup di dunia dan kesejahteraan yang hakiki di akhirat. Mimbar pada hari ini akan membicarakan khutbah khas Gerhana Matahari yang bertajuk **“MENGGALI RAHSIA KEAGUNGAN ALLAH”**.

### **SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH SEKALIAN,**

Allah ﷺ telah mencipta langit dan bumi ini dengan penuh keindahan dan kehebatan. Di bumi, Allah ﷺ ciptakan kita sebagai umat manusia di samping makhluk yang lain seperti haiwan, tumbuh-tumbuhan, gunung-ganang, lautan, sungai dan sebagainya. Manakala di langit pula, Allah ﷺ ciptakan cakerawala yang terdiri daripada matahari, bulan dan bintang yang menghiasi langit serta memberi manfaat kepada hamba-hamba-Nya.

Kehebatan ini tidak terhenti di sini sahaja, bahkan Allah ﷺ telah membuktikan pula kepada kita bahawa Dia adalah pentadbir alam semesta yang Maha Agung dan Maha Berkuasa sehingga tidak ada sebab berlakunya pelanggaran antara satu sama lain. Jika sekiranya berlaku pertembungan matahari dan bulan, maka ini akan mengakibatkan kehancuran dan kemusnahan.

Firman Allah ﷺ dalam surah Yasin ayat 40,

﴿لَا أَشْمُسْ يَنْبَغِي لَهَا أَنْ تُدْرِكَ الْقَمَرُ وَلَا أَيْلُ سَابِقُ النَّهَارِ وَلَكُ فِي فَلَكٍ يَسْبُحُونَ﴾

Maksudnya: “(Dengan ketentuan yang demikian), matahari tidak mudah baginya mengejar bulan, dan malam pula tidak dapat mendahului siang; kerana tiap-tiap satunya beredar terapung-apung di tempat edarannya masing-masing.”

### **SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH SEKALIAN,**

Peristiwa gerhana matahari merupakan suatu iktibar kepada umat manusia bahawa kita adalah makhluk kecil dan lemah di sisi Allah ﷺ. Allah ﷺ memperlihatkan sedikit daripada bukti kekuasaan-Nya kepada manusia melalui peristiwa gerhana matahari yang merupakan salah satu fenomena yang amat mudah bagi-Nya. Firman Allah ﷺ dalam surah Fussilat ayat 37:

وَمِنْ أَيْتَهُ الَّيلُ وَالنَّهَارُ وَالشَّمْسُ وَالقَمَرُ لَا سَجَدُوا لِلشَّمْسِ وَلَا لِلْقَمَرِ  
وَسَجَدُوا بِلِلَّهِ الَّذِي خَفَهُنَّ إِنْ كُنْتُمْ إِيمَانَكُمْ بَعْدُونَ ﴿٣٧﴾

Maksudnya: “Dan di antara tanda-tanda kekuasaanNya ialah malam dan siang, serta matahari dan bulan. Janganlah kamu sujud kepada matahari dan janganlah pula sujud kepada bulan, dan sebaliknya hendaklah kamu sujud kepada Allah yang menciptakannya, kalau betullah kamu hanya beribadat kepada Allah.”

Pada hari ini, sekali lagi Allah ﷺ telah memperlihatkan kehebatan dan kekuasan-Nya yang mutlak, di mana berlakunya gerhana matahari. Peristiwa ini telah menarik perhatian jutaan manusia seluruh dunia untuk menyaksikan suatu fenomena alam yang hebat dan ajaib bukti kekuasaan Allah ﷺ yang tiada tolok bandingnya. Bagi umat Islam, peristiwa seumpama ini sebenarnya memperteguhkan dan memantapkan lagi keimanan sekiranya dihayati.

### **SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH SEKALIAN,**

Kejadian gerhana matahari berlaku akibat dari kedudukan sejajar antara matahari, bulan dan bumi. Manakala gerhana bulan berlaku apabila kedudukan sejajar antara matahari, bumi dan bulan. Kedudukan sebegini akan menghalang cahaya matahari daripada sampai ke bumi kerana itu ia dinamakan gerhana. Kita sedia maklum bahawa bulan dan bumi sifatnya adalah menerima cahaya daripada matahari sebagaimana firman Allah ﷺ dalam surah Yunus ayat 5,

﴿ هُوَ الَّذِي جَعَلَ النَّمْسَ ضِيَاءً وَالْقَمَرَ نُورًا وَقَدَرَهُ مَنَازِلَ لِنَعْلَمُوا عَدَدَ السِّنِينَ وَالْحِسَابَ مَا خَلَقَ اللَّهُ ذَلِكَ إِلَّا بِالْحَقِّ يَفْصِلُ الْآيَتِ لِقَوْمٍ يَعْلَمُونَ ﴾

**Maksudnya:** “*Dialah yang menjadikan matahari bersinar-sinar (terang-benderang) dan bulan bercahaya, dan Dialah yang menentukan perjalanan tiap-tiap satu itu (berpindah-pindah) pada tempat-tempat peredarannya (masing-masing) supaya kamu dapat mengetahui bilangan tahun dan kiraan masa. Allah tidak menjadikan semuanya itu melainkan dengan adanya faedah dan gunanya yang sebenar; Allah menjelaskan ayat-ayatNya (tanda-tanda kebesaranNya) satu persatu bagi kaum yang muhū mengetahui hikmah sesuatu yang dijadikanNya.”*

Apa yang jelas, penciptaan matahari, bulan, cakerawala dan apa jua di alam ini bertujuan membolehkan seluruh manusia mengambil manfaat serta faedah daripadanya seperti menjana sistem solar, menjana elektrik dan menghasilkan kuasa elektrik. Ya, sesuatu kejadian yang dipertontonkan kepada kita ada hikmah tersendiri dan Allah ﷺ muhū manusia sentiasa berfikir, merenung dan bertadabbur bagaimana sepatutnya matahari dan bulan mengelilingi bumi setiap hari secara berasingan boleh bertemu pada ketetapan yang diinginkan Allah yang dinamakan gerhana matahari atau gerhana bulan itu.

## SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH SEKALIAN,

Kejadian gerhana matahari tiada kaitan dengan malang atau celaka sesuatu perkara. Ia merupakan keadaan yang berlaku sejak dahulu kala lagi termasuklah juga pernah berlaku di zaman Rasulullah ﷺ yang mana kebetulan ketika itu wafat putera baginda yang bernama Ibrahim. Maka ramai yang menyangka bahawa gerhana itu membawa maksud kesedihan hati Rasulullah ﷺ. Oleh kerana itu, Rasulullah ﷺ bersabda di dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam Muslim,

إِنَّ الشَّفَّافَ وَالْقَنْزَرَ آيَاتٌ اللَّهُ يَخُوَفُهُمَا عِبَادَةٌ وَإِنَّمَا لَا يَتَكَبَّسُ قَانُونُهُمْ  
لِمَوْتٍ أَخْدِي مِنَ الْكَافِرِ إِنَّمَا رَأَيْتُمْ مِنْهَا شَيْئًا فَقْسُلُوا وَادْعُوا اللَّهَ حَتَّىٰ يَكْشِفَ مَا بِكُمْ

Mafhumnya: “Rasulullah ﷺ bersabda bahawasanya matahari dan bulan itu menjadi tanda kedua-duanya daripada tanda-tanda kekuasaan Allah. Allah menakutkan hamba-hamba-Nya dengan perubahan matahari dan bulan dan bahawasanya matahari dan bulan itu tidak berlaku gerhana kedua-duanya disebabkan mati seseorang dari kalangan manusia, maka pabila kamu melihat berlakunya suasana (gerhana matahari dan bulan), maka solatlah kamu (solat sunat gerhana) dan berdoalah kepada Allah sehingga cahaya matahari atau bulan kelihatan semula bagi kamu.”

Sebenarnya kejadian gerhana juga adalah satu peringatan kepada manusia bahawa jika Allah berkehendak menghentikan peredaran matahari, bulan, bintang, bumi dan lainnya sudah pastilah seluruh kehidupan ini akan musnah. Ia juga merupakan peringatan kepada manusia. Sesungguhnya Allah boleh menghancurkan alam ini dengan begitu mudah dengan gelincirnya peredaran matahari atau bulan dari paksinya. Jika ini berlaku alam semesta akan hancur dan musnah. Maka adakah kita benar-benar bersedia untuk menghadapi suasana ini?. Apakah persiapan yang telah dilakukan, berapa banyak kebajikan yang telah dibuat, adakah syariat Allah ﷺ benar-benar kita junjung, adakah kita yakin boleh selamat pada hari yang tiada manfaatnya harta dan anak pinak?.

### **SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH SEKALIAN,**

Dengan kejadian gerhana matahari ini, Allah ﷺ telah menunjukkan sebahagian daripada kekuasaannya agar manusia segera insaf, gerun dan takut kepada ancaman Allah ﷺ. Oleh itu, mimbar menyeru sidang jemaah sekalian, marilah kita sama-sama mengambil pengajaran dengan peristiwa gerhana matahari ini dengan rasa penuh keinsafan dan bermuhasabahkanlah atas segala yang telah dilakukan.

Di samping itu, perbanyaklah amal yang dapat menghampirkan diri kita kepada Allah ﷺ dengan taubat, amalan kebajikan, amal soleh, berzikir, bertakbir, bersedekah dan berdoa. Tanamkan juga di dalam hati dan jiwa kita kesungguhan untuk menghayati hikmah disebalik setiap peristiwa, kejadian dan fenomena alam dalam apa bentuk sekalipun. Mengakhiri khutbah, sebagai usaha untuk melahirkan keteguhan seterusnya mengekalkan kekuatan iman yang ada dalam diri umat Islam, mimbar menggariskan beberapa nasihat untuk dijadikan pedoman bersama:

- i. Fenomena kejadian gerhana merupakan bukti kebesaran Allah ﷺ yang ditunjukkan kepada makhluk-Nya untuk dijadikan bahan tafakkur.
- ii. Menjauhkan diri daripada lalai dan lupa kepada Pencipta iaitu Allah
- iii. Menghitung, mempertingkatkan dan memperkemaskan amal kebajikan sepanjang masa.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَنِ الرَّجِيمِ ﴿٦﴾ قُلْ يَنْوَفُكُمْ مَلَكُ الْمَوْتِ الَّذِي وُكِلَّ بِكُمْ ثُمَّ إِنَّ رَبِّكُمْ تَرَجَّعُونَ ﴿١١﴾ وَلَوْ تَرَى إِذَا الْمُجْرِمُونَ نَاكِسُوا رُءُوسَهُمْ عِنْدَ رَبِّهِمْ رَبَّنَا أَبْصَرَنَا وَسَمِعَنَا فَأَرْجِعْنَا نَعْمَلْ صَلِحًا إِنَّا مُؤْمِنُونَ ﴿١٢﴾

Maksudnya: "Katakanlah (wahai Muhammad): "Nyawa kamu akan diambil oleh Malakul-Maut yang ditugaskan berbuat demikian ketika habis ajal kamu, kemudain kamu akan dikembalikan kepada Tuhan kamu (untuk menerima balasan)". Dan (sungguh ngeri) sekiranya engkau melihat ketika orang-orang yang berdosa itu menundukkan kepalanya di hadapan tuhan mereka (dalam keadaan malu dan hina, sambil merayu): "Wahai Tuhan kami! kami telah melihat dan mendengar dengan sejelas-jelasnya (akan segala yang kami ingkari dahulu); maka kembalikanlah kami ke dunia supaya kami mengerjakan amal-amal yang baik; sesungguhnya kami sekarang telah yaqin."

(Surah as-Sajadah: 11-12)

بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَتَفَعَّنِيْ وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذَّكْرِ  
الْحَكِيمِ، وَتَتَبَلَّ مِنِّيْ وَمِنْكُمْ تَلَوَّنَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِيْ هَذَا  
وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهِ الْعَظِيمِ لِيْ وَلَكُمْ وَلِسَابِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ  
وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.


## **KHUTBAH KEDUA**

(Rujuk teks biasa yang disediakan oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP) untuk Khutbah Kedua)

PANDUAN SOLAT

# GERHANA

BUKU INI MENGANDUNGI AYAT SUCI AL-QURAN.  
PELIHARALAH KESUCIANNYA.



Diterbitkan oleh:

JABATAN MUFTI NEGERI PULAU PINANG

Tingkat 48, KOMTAR, 10000 Pulau Pinang

Tel: 04 263 2975 Faks: 04 263 2985

Web: <http://mufti.penang.gov.my>